



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**JURUUKUR (B.2 EB.3 / B.2)  
JABATAN UKUR  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURUUKUR  
JABATAN UKUR  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN) /  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Geomatics / Land Surveying and Geo-Informatics / Surveying and Mapping Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Geomatics / Land Surveying and Geo-Informatics / Surveying and Mapping Science* atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat di Jabatan Ukur dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan sekurang-kurangnya bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Berpengetahuan serta berpengalaman dalam bidang teknikal dan penggunaan teknologi Informasi (*IT*).



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai Unit-Unit di bawah Bahagian Ukur Geodetik dan Kadaster atau Bahagian Pemetaan Informatik;
2. Mengawasi dan memastikan perjalanan projek-projek Ukur Tanah dan Pemetaan Informatik menepati matlamat pada jangka masa yang dirancang;
3. Membantu Penolong Juruukur Agung dan Juruukur Kanan dalam perancangan spesifikasi Ukur Tanah dan spesifikasi Pemetaan / Geomatik;
4. Menyelaras keperluan-keperluan latihan di Unit masing-masing;
5. Memastikan perjalanan kerja mengikut prosedur Sistem Pengurusan Berkualiti (*ISO 9001*);
6. Membantu Juruukur Kanan mengawas dan memastikan dasar ukur tanah dan dasar pemetaan dilaksanakan;
7. Membantu Juruukur Kanan dalam menyediakan cadangan peruntukan dan laporan tahunan Bahagian;
8. Membantu Juruukur Kanan dalam menilai peralatan Ukur Tanah dan Geomatik termasuk perisian untuk keperluan Jabatan;
9. Menyelaras pangkalan data bagi Sistem Maklumat Tanah;
10. Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan dan pembaik pulih semua sistem komputer Jabatan dan alat-alat ukur; dan
11. Ahli kepada Jawatankuasa Jabatan:
  - i. *Management Review Team* / bagi Sistem Pengurusan Berkualiti (*ISO 9000*);
  - ii. *Safety and Health*;
  - iii. Latihan;
  - iv. Penilaian;
  - v. Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR); dan
  - vi. Jawatankuasa Pandu Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC).